



um 24/10/06

RAYA DALAM BANJIR... Banjir yang melanda beberapa negeri di utara Semenanjung terutama di Kedah semakin serius dengan hampir 600 mangsa terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan sejak kelmarin.

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu serta tiada tanda-tanda untuk reda, kebanyakan mangsa banjir terpaksa menyambut Aidilfitri di pusat-pusat pemindahan banjir.

Di Kampung Alor Jawi, Jalan Langgar, Alor Star, sebahagian

besar sawah padi bertukar menjadi 'lautan' apabila ia dinaiki air serta boleh mendatangkan bahaya kepada penduduk terutama kanak-kanak yang gemar bermain air.

● **FATIMAH** Awang menunjukkan kawasan sawah yang ditenggelami air serta boleh mendatangkan bahaya kepada anaknya, Mohd. Rizam Yop, 6, di Kampung Alor Jawi, Jalan Langgar, dekat Alor Star, Kedah, semalam.

Gambar: ISMAH KAMARI